

# APK cungkil bakat pelajar hasilkan produk dan perkhidmatan berinovasi

NST 1.5.2014 3

KOTA KINABALU: Seramai 182 kumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam aliran sastera menyertai Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) ke-10 bermula hari ini.

Bertemakan 'Live Simply, Dream Big', ekspo APK merupakan satu platform kepada siswa siswi untuk berfikir secara kreatif dalam merancang perniagaan bagi menembusi pasaran yang lebih luas.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof. Dr. Vincent Pang dalam ucapannya berkata; siswa siswi masa kini perlu mempelajari kemahiran insaniah untuk bekalan dalam mengharungi cabaran perniagaan dan peluang pekerjaan pada masa akan datang.

"Justeru, penganjuran ekspo ini tidak terhad hanya kepada pelajar jurusan ekonomi sekali gus membuktikan para pelajar UMS mempunyai kemahiran serba

boleh dan berani menyahut segala cabaran," katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Tambah beliau, APK juga antara lain mampu memberi peluang dan mencungkil bakat siswa siswi dengan menunjukkan daya kreativiti masing-masing dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berinovasi.

Selain jualan barangan katanya, terdapat juga kempen kesihatan dan derma darah, kempen kitar semula, kempen kesihatan, pertandingan Catur Barat serta persediaan Mud Ball bagi tujuan pembersihan air laut.

Ekspo yang berlangsung sehingga 6 Mei 2014 disertai pelajar-pelajar daripada Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan yang merupakan salah satu kursus wajib semua pelajar peringkat prasiswazah di UMS.



LAWAT GERAI...Dr Vincent melawat salah sebuah gerai di majlis itu.